



DR. MAHATHIR Mohamad meneliti buku *Seribu Wajah Dr. Mahathir* selepas menerimanya daripada Roselina Johari sambil disaksikan oleh Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin (dua dari kanan) dan Mohd. Nasir Ali, di Putrajaya semalam.

hm - 10/3/2014  
pg. 9

## Utusan serah *Seribu Wajah Dr. Mahathir* kepada bekas PM

PUTRAJAYA 9 Mac — Kumpulan Utusan hari ini menyerahkan 10 naskhah buku *Seribu Wajah Dr. Mahathir* kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Majlis penyerahan yang berlangsung di pejabat Dr. Mahathir di Yayasan Pemikiran Perdana di sini, dihadiri oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Datuk Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin, Pengarah Eksekutif Kumpulan, Mohd. Nasir Ali dan Pengarah Eksekutif Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D), Roselina Johari.

Menurut Roselina, penyerahan sebanyak 10 naskhah untuk koleksi peribadi Dr. Mahathir itu adalah sebagai tanda terima kasih kepada bekas pemimpin negara itu.

Buku terbitan UP&D setebal 259 muka surat itu menghimpunkan foto-foto terbaik melibatkan bekas Perdana Menteri dalam pelbagai aksi dan aktiviti.

Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian, antaranya *Kepimpinan UMNO, Menggerak Wawasan, Hubungan Sejagat, Suara Global, Mendekati Rakyat dan Keluarga Bahagia* serta *Jasamu Dikenang*.